

Tanjung Malim

Kejohanan Olahraga dan Renang Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2016 menyaksikan pasukan Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya mempertahankan kejuaraan kategori olahraga kedudukan yang dikuasainya sejak 1997.

Bagaimanapun, kedudukan keseluruhan menempatkan UPM pada tangga kedua di belakang Universiti Malaya (UM) dengan 27 emas, sembilan perak dan tiga gangsa.

Ketua Jurulatih UPM Khairul Zaini Zainan berkata, kontinjen UPM yang membabitkan 34 atlet tetap berjaya menguasai acara olahraga walaupun ramai atlet mereka mengalami kecederaan semasa menyertai Terbuka Malaysia baru-baru ini.

Beliau berkata, walaupun ramai atlet kebangsaan tidak menyertai kejohanan kali ini kerana kecederaan namun pasukan pelapis tetap memberi saingan yang membawa kemenangan kepada UPM dalam kategori olahraga.

"Kami melaksanakan strategi membina pelapis de-



PASUKAN UPM gembira selepas menjuarai Sukan MASUM 2016 di Kompleks Sukan, Kampus Sultan Azlan Shah, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

UPM PERTAHAN GELARAN

■ **Kekal ungguli acara olahraga walau ramai atlet cedera**

ngan menyediakan tiga kategori atlet bagi memantapkan persediaan iaitu senior, pelapis kebangsaan dan pe-

nuntut.

"Tempat kedua dimenangi Universiti Malaya (UM) manakala tempat ketiga dime-

nangi Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang meraih tiga emas, empat perak dan dua gangsa," katanya.

Menurutnya, kejohanan yang berlangsung di Kompleks Sukan, Kampus Sultan Azlan Shah, Universiti Pen-

didikan Sultan Idris (UPSI) itu menyaksikan UM mendominasi acara renang apabila meraih 28 pingat emas untuk melayakkannya muncul juara keseluruhan.

Ketua kontinjen, Norsham Abdullah berkata, pasukan UM ditarusi 15 atlet olahraga dan 15 atlet renang.

Sepanjang penyertaan UM dalam Sukan MASUM, katanya, ini adalah pencapaian terbaik apabila berjaya meraih 36 emas, 15 perak dan 16 gangsa.

Hadiyah disampaikan Setiausaha Agung MASUM Mustaza Ahmad.

Sebanyak 20 universiti menyertai kejohanan selama tiga hari itu dan tuan rumah UPSI menduduki tangga keenam apabila meraih satu emas, enam perak dan tujuh pingat gangsa.

Sementara itu, atlet UPM Zaidatul Husniah Zulkifli, 23, melahirkan rasa bangga berikutan kejayaannya meraih tempat pertama dalam acara 100m, 200m, serta 4x 100m.

Anak kelahiran Kuala Nerus, Kedah itu mewakili Malaysia ke Sukan Olimpik Rio de Janeiro, Brazil bagi acara 100m dan layak ke puspingan kedua.

Pasangan kembarnya, Zaidatul Husna, 23, tidak menyertai temasya kali ini berikutan mengidap denggi.